

20/06/1998

Umno perlu kekalkan kuasa demi perpaduan

SEMUA pihak perlu memberi penekanan kepada usaha mengekalkan kuasa di tangan Umno dengan mengekalkan perpaduan Melayu, kata Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah.

Menurutnya, dalam menghadapi keadaan gawat sekarang, Umno jika tidak dapat dikawal boleh menjejaskan survival Melayu.

"Sambutlah saranan Presiden dengan baik supaya kita dapat bersatu, supaya kita dapat menyelamatkan apa yang kita telah perjuangkan di bawah Dasar Ekonomi Baru dulu," katanya mengulas ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, setelah merdeka ada perubahan yang mana orang Melayu yang berada di peringkat bawah sudah dapat dipertingkat maruah dan martabatnya.

"Saya percaya bukan sahaja Umno akan menyahut seruan, malah pihak lain dalam komponen dalam Barisan Nasional sudah tentu akan bersatu untuk bersama menjamin supaya perpaduan kekal, kestabilan politik diperkuatkan dan masalah ekonomi diatasi," katanya.

Mengenai nepotisme dan kronisme, Tengku Razaleigh berkata, pelbagai tafsiran boleh dibuat mengenai terminologi itu. Bagaimanapun, maksudnya tidak dapat menepati kehendak sesuatu pihak kerana ada orang menggunakan istilah itu untuk tujuan tertentu.

"Maksud istilah itu berubah-ubah dan saya sendiri tidak dapat suarakan apa yang perlu dicakapkan. Bagi saya, soal ini soal kecil. Yang penting ialah bagaimana kita sekarang mencari jalan menyelesaikan masalah ini.

"Kita patut memerah otak dan berganding bahu mengatasi masalah ini, terutama orang Melayu yang Umno perjuangkan," katanya.

Mengenai cara menyatukan seluruh orang Melayu termasuk penyokong Pas, Tengku Razaleigh berkata, ketika menerajui Semangat S46 beliau sendiri ada menyarankan penyatuan Melayu kepada kepimpinan Pas.

"Setakat ini cadangan penyatuan itu tidak disambut oleh Pas. Namun, terpulanglah kepada pucuk kepimpinan tertinggi Umno untuk memikirkan masalah ini," katanya.

(END)